

# Faktor Situasi Keluarga dan Hubungannya dengan Penghargaan Kendiri dalam kalangan Pelajar Bermasalah

## *The Factors of Family Situation and their Relation with Self- esteem among Problematic Students*

Nurul Hudani Md. Nawi<sup>1\*</sup>, Anuar Din<sup>1</sup>  
& Puteri Hayati Megat Ahmad<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Psikologi dan Pendidikan,  
Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

\*Corresponding author's email: nurul@ums.edu.my

**Abstrak.** Objektif kajian adalah untuk meneliti faktor situasi keluarga (kawalan, keperihatinan sosial, konflik keluarga) dengan penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar bermasalah sekolah menengah di Pedalaman Pantai Timur Sabah. Kaedah tinjau selidik telah digunakan dalam kajian ini sebagai reka bentuk kajian dengan menggunakan jenis pensampelan bertujuan. Terdapat 494 orang pelajar terlibat dalam kajian ini iaitu seramai 349 terdiri pelajar lelaki dan seramai 145 adalah pelajar perempuan. *Beck Codependence Assessment Scale (BCAS)* yang dibangunkan oleh Beck (1991) merupakan instrumen kajian yang digunakan untuk mengukur kebergantungan pelajar manakala alat kajian *Rosenberg Self-Esteem (RSE)* (Rosenberg, 1965) digunakan bagi mengukur penghargaan sendiri. Data dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science*

(SPSS) - Windows 18.0. Statistik deskriptif dan inferensi digunakan bagi menjawab soalan dan hipotesis kajian. Hasil kajian mempamerkan penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar yang bermasalah adalah berada pada tahap sederhana iaitu 69.2%. Di samping itu, hasil ANOVA Sehalu menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi penghargaan sendiri berdasarkan pendapatan  $F(6,487) = 2.94$ ,  $p < 0.05$ ). Hasil kajian juga menunjukkan terdapat korelasi yang signifikan antara faktor situasi keluarga (konflik keluarga) dengan penghargaan sendiri ( $r = .22$ ,  $p < 0.05$ ). Namun begitu, dapatan kajian juga mendapati tidak terdapat korelasi yang signifikan bagi faktor situasi keluarga (kawalan dan keperihatinan sosial) dengan penghargaan sendiri. Implikasi kajian ini menjelaskan pelajar-pelajar yang bermasalah ini harus diberi perhatian yang lebih serius oleh pihak sekolah terutama dengan menyediakan khidmat bimbingan dan kaunseling berkala supaya mereka mempunyai peluang yang sama dengan pelajar lain dalam membentuk jati diri yang lebih mencerlah.

**Kata kunci:** faktor situasi keluarga, penghargaan sendiri, pelajar bermasalah

**Abstract.** The objectives of the study were to examine family situational factors (control, social concerns, family conflicts) related to the self-esteem among problematic students in the rural secondary schools, Eastern Coast of Sabah. A survey method, has been employed in this study as a research design, using a purposeful sampling. There were 494 students who were involved in this study in which 349 male and 145 female. Beck Codependence Assessment Scale (BCAS), developed by Beck (1991), is an instrument employed to measure students' dependency, while *Rosenberg Self-Esteem (RSE)* (Rosenberg, 1965) is employed to measure self-esteem. Data were analysed using software of *Statistical Package For Social Science (SPSS) - Windows 18.0*. Descriptive and inferential statistics were employed to answer research questions and hypothesis. Findings showed that self-esteem among the problematic students were at the moderate level, 69.2 %. ANOVA indicated that there was a statistically significant different for self-esteem based on income  $F(6,487) = 2.94$ ,  $p < 0.05$ ). Findings also showed that there was a statistically significant relation between family situational factors (family conflicts) and self-esteem ( $r = .22$ ,  $p < 0.05$ ). However, findings also found that there was no statistically significant relation between family situational factors (factors (control and social concerns) and self-esteem. The implications of this study for the problematic students need to be given serious attention by the schools, particularly providing a periodic guidance service and counselling so that they have an equal opportunities in establishing their identity.

**Keywords:** family situational factors, self-esteem, problematic students

## PENGENALAN

Satu aspek dari konsep kendiri manusia yang memberi impak mendalam dalam kehidupan manusia adalah pemilikan penghargaan kendiri. Setiap individu memerlukan penghargaan kendiri dalam kehidupan mereka tanpa mengira faktor umur, jantina, latar belakang budaya atau pekerjaan (Rosernberg, 1965). Realitinya penghargaan kendiri dilihat sebagai satu penilaian umum sama ada positif atau negatif untuk menilai diri sendiri dan juga objek di sekelilingnya. Oleh yang demikian, penguasaan diri dan identiti diri juga merupakan elemen penting dalam pembentukan penghargaan kendiri. Pada asasnya, penilaian individu terhadap penghargaan kendiri terbentuk berdasarkan kepada dua proses yang saling berhubungan. Proses pertama, individu akan membandingkan kemampuan, kebolehan, pendapat dan identiti sosial yang ada pada diri mereka dengan orang lain manakala proses kedua pula, individu akan menilai diri sendiri melalui hubungan dan interaksi dengan orang lain. Komunikasi dan interaksi yang berkesan diandaikan dapat meningkatkan penghargaan kendiri seseorang individu.

Secara lumrahnya manusia ingin memastikan keperluan penghargaan kendiri mereka dapat dipenuhi. Keperluan ini menjelaskan akan perasaan ingin dihormati, disanjung dan dipuji khususnya dalam kalangan para pelajar yang meningkat ke alam yang lebih matang dan mencabar. Golongan ini dilihat sebagai satu kelompok individu yang perlu diberi perhatian lebih dalam pembentukan penghargaan kendiri dalam diri mereka. Tiga perkara asas yang menjadi tunjang untuk meningkatkan pembentukan penghargaan kendiri dalam kalangan para pelajar adalah penerimaan keluarga terhadap anak, penghargaan yang diberikan terhadap setiap tindakan dalam nilai yang dibenarkan dan penjelasan yang jelas terhadap batasan setiap tingkah laku yang tidak dibenarkan (Coopersmith, 1967).

Oleh yang demikian, terdapat beberapa faktor yang harus diperhalusi sebaik mungkin seperti faktor keluarga dan masyarakat dalam menyemai penghargaan kendiri yang positif untuk melahirkan modal insan yang proaktif. Realitinya keluarga merupakan unit terkecil untuk membentuk masyarakat harmoni dan telah dianggap sebagai agen terpenting dalam perkembangan konsep kendiri individu sejak zaman kanak-kanak lagi (Gecas & Schwalbe, 1986). Ia juga merupakan tempat mula bercambahnya pembentukan perasaan kendiri melalui hubungan komunikasi yang mesra di antara keluarga dengan anak. Sikap keluarga terhadap golongan ini harus dapat digambarkan dalam bentuk tingkah laku yang mudah difahami supaya mereka merasakan dihargai. Ia merangkumi penilaian dan penghargaan yang tinggi terhadap keterlibatan anak-anak dalam aktiviti yang dianggotai oleh mereka dengan memberi bantuan dan sokongan, mesra dan rasa hormat serta menaruh minat dalam aktiviti tersebut. Kesemua ini akan mempengaruhi penghargaan kendiri kanak-kanak dan remaja (Gecas, 1971; Gecas & Schwalbe, 1986). Oleh itu, peranan keluarga amat besar dalam menentukan penghargaan kendiri individu.

Terdapat beberapa faktor situasi keluarga yang ingin dikaji dalam kajian ini. Ianya terdiri daripada 3 dimensi iaitu konflik, kawalan dan keperihatin sosial yang dianggap sebagai elemen penting terhadap pembentukan penghargaan sendiri dalam kalangan para pelajar terutama mereka yang mempunyai masalah di sekolah (Beck, 1991). Mereka merupakan pelajar yang telah melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah. Mereka juga boleh dianggap sebagai pelajar yang tidak berdisiplin sehingga ada andaian yang mengatakan masalah disiplin wujud tanpa kesudahan. Ini jelas dapat dilihat apabila satu masalah dapat diatasi, satu masalah baru pula akan muncul. Hal ini berlaku kerana manusia mempunyai perbezaan dari aspek kebudayaan, kepercayaan, amalan, pengalaman dan juga pengetahuan yang memungkinkan percanggahan idea dan tidak sehaluan. Akibat dari itu, wujud sekumpulan golongan yang tidak dapat menerima perbezaan ini yang akhirnya menyebabkan mereka melanggar peraturan yang ditetapkan oleh pihak sekolah yang mana peraturan diwujudkan untuk menjamin keamanan dan kesejahteraan bagi semua pihak.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Penghargaan sendiri dan persepsi sendiri mendapat perhatian dalam kebanyakan pengkaji kerana penilaian sendiri dapat membawa impak yang penting dalam kesejahteraan hidup seseorang individu seperti yang disarankan oleh Hobbes dalam petikan Rosenberg (Leahy, 1985). Hal ini kerana kegembiraan yang paling besar dalam jiwa seseorang manusia ialah memiliki pandangan yang tinggi terhadap diri sendiri. Penghargaan sendiri merupakan satu konstruk sosio-psikologi yang menaksir sikap seseorang individu dan mempersepsi nilai sendiri. Ia juga merupakan gabungan kepercayaan, perasaan dan kecenderungan tingkah laku serta merangkumi orientasi positif dan negatif terhadap individu dan merupakan suatu penilaian keseluruhan terhadap taksiran dan nilai diri. Individu yang mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi akan memberi penilaian yang tinggi terhadap dirinya, mengamati dirinya sebagai bernilai, mempunyai potensi dan harga diri, berkebolehan, berkualiti, merasa penting, berkeyakinan dan mempunyai personaliti murni (Coopersmith, 1981; Rosenberg, 1965). Rogers (1981), menambah bahawa penghargaan sendiri adalah sebahagian daripada personaliti individu yang mempunyai unsur-unsur penilaian diri terhadap kebolehan dan sifat-sifat diri, hubungannya dengan orang lain serta pesekitaranya, nilai dan kualiti yang berkait dengan pengalaman dan matlamat. Di samping merujuk kepada kesedaran kognitif dan efektif tentang imej mental dan spritual yang melambangkan kepercayaannya tentang siapakah dirinya yang sebenar.

Sementara itu, pada dasarnya tingkah laku bermasalah menggambarkan perbuatan salah, kerosakkan akhlak dan kecuaiian dalam menjalankan kewajipan. Dalam konteks kajian ini, ia merujuk kepada salah laku yang menyimpang daripada nilai dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak sekolah. Kementerian Pendidikan telah menyenaraikan sebanyak 53 jenis perlakuan yang dianggap sebagai perlakuan yang

bermasalah. Antaranya perlakuan jenayah (berjudi, mencuri dan mencabul kehormatan); perlakuan lucah (bercumbuan, berkhawat dan membawa atau menyimpan bahan lucah; kekemasan diri (berambut panjang, berkuku panjang dan berpakaian tidak mengikut peraturan); perlakuan kurang sopan (kasar terhadap guru dan pengawas serta menghisap rokok ); tingkah laku musnah (merosakkan harta benda sekolah); perlakuan ponteng (ponteng kelas dan sekolah ) dan lain-lain.

Lazimnya dalam konteks sekolah terdapat tiga kategori kesalahan yang kerap dilakukan oleh pelajar sekolah iaitu kesalahan ringan, sederhana dan berat (Regoli & Hewit, 1991). Kesalahan ringan dapat dikelaskan seperti personaliti pelajar yang tidak kemas, datang lewat ke sekolah, keluar kelas tanpa membawa kad kebenaran, bermain dalam kelas, menggunakan peralatan sekolah tanpa kebenaran dan kesalahan yang bersabit dengan pengajaran dan pembelajaran (tidak membawa buku, tidak membuat kerja sekolah dan tidak memberi perhatian semasa guru mengajar). Manakala kesalahan sederhana seperti pelajar keluar dari kawasan sekolah tanpa kebenaran, meniru semasa peperiksaan, ponteng acara rasmi sekolah, tidak menghormati lagu-lagu, bendera, jata sekolah, negeri dan kebangsaan, fesyen rambut yang keterlaluan seperti punk/skin head atau berwarna serta menconteng harta benda sekolah. Kesalahan berat merujuk kepada pelajar yang terlibat dengan kegiatan dadah, menghisap atau membawa rokok, terlibat dengan minuman keras, melawan guru dan pengawas, vandalisme, bergaduh, peras ugut, membawa senjata berbahaya, membuli, merompak, terlibat dengan aktiviti perjudian, gengsterisme dan melakukan maksiat seperti berzina.

Realitinya faktor situasi keluarga iaitu kebergantungan seseorang individu terhadap orang yang signifikan dalam hidup mereka yang memainkan peranan penting. Ianya melibatkan beberapa bahagian seperti 1) konflik, 2) kawalan dan 3) keperihatinan sosial. Bagi faktor situasi keluarga: konflik, terdapat tiga jenis konflik keluarga iaitu intensiti, kompleksiti dan jangka masa perhubungan. Intensiti diandaikan sebagai satu konflik besar yang berlaku dalam keluarga dan memerlukan jalan penyelesaian yang sukar (Cupach, et.al., 2008). Pada awalnya hubungan antara komuniti keluarga sangat rapat, terutama dari segi emosi (Bowlby, 1982). Ikatan antara pasangan adik beradik, ibu bapa dengan anak-anak yang melibatkan pergantungan, kasih sayang dan komitmen. Hubungan ikatan persaudaraan ini dialami pada setiap hari dalam beberapa tahun. Tetapi apabila masalah besar timbul dalam perhubungan, emosi yang positif akan berubah menjadi emosi yang negatif sebagai contoh berlaku pengkhianatan perhubungan seperti hubungan luar nikah atau penderaan seksual kanak-kanak yang boleh menimbulkan kebencian yang sebelumnya dipenuhi dengan perasaan kasih sayang. Konflik keluarga ini adalah sangat serius berbanding konflik yang melibatkan pihak yang lain (Cupach et al., 2008).

Kedua adalah kompleksiti, merujuk kepada kepentingan untuk memahami sesuatu karekteristik yang membingungkan dan mengelirukan. Sebagai contoh kaitan kompleksiti dalam hubungan kekeluargaan – ambivalens yang mana seseorang ingin disayangi tetapi mereka membuat pekara yang menyebabkan ia dibenci di mana

lingkaran hubungan keluarga seperti dimensi kasih sayang, penghormatan, perhubungan, kebencian, rasa geram, cemburu, persaingan, dan rasa tidak setuju. Dimensi tersebut hadir dalam pelbagai hubungan kekeluargaan dan ia akan menjadi masalah sekiranya ibu bapa tidak menunjukkan ikatan yang sama rata (Cupach et al., 2008).

Ketiga adalah konflik keluarga yang di sebabkan tempoh masa perhubungan iaitu tempoh masa sesuatu konflik, dan kesan jangka masa panjang corak disfungsi konflik (Cupach et al., 2008). Sebagai contoh hubungan kekeluargaan sepanjang hayat (White, 2001) dimana ibu bapa dan anak-anak akan tetap menjadi ibu bapa dan anak-anak sampai bila-bila tanpa ada sempadan masa. Tetapi apabila konflik hubungan ini berlaku dalam keluarga ia akan berterusan dalam tempoh masa yang lama. Apabila peningkatan kemudatan daripada konflik tersebut berlaku menyebabkan seseorang dari keluarga akan melepaskan diri dari konflik tersebut seperti keluar jauh dari rumah, perceraian atau berlakunya kerenggangan keluarga. Konflik ini boleh berlaku dalam keluarga disebabkan peningkatan umur kanak-kanak ke tahap remaja manakala bagi ibu bapa pula berlaku peningkatan umur ke tahap pertengahan sehingga mengubah hubungan baik antara ibu bapa dan anak disebabkan perubahan masa (Cupach et al., 2008)

Menurut Mahmood Nazar Mohamed (1993), konflik dan tekanan psikologikal yang berlaku dikalangan pelajar menyebabkan berlakunya tingkah laku devian dalam sesebuah keluarga. Kebanyakan mereka yang bermasalah adalah berlatar belakangkan keluarga yang bermasalah (Dishion et al., 1991; Rutter, 1985; Vucinich, 1992). Dan tingkah laku anti sosial remaja berpunca daripada kegagalan gaya keibubapaan dan pengurusan keluarga (Jacobvitz., 1996, & Vuchinich, 1992). Mereka gagal melihat keluarga adalah satu persekitaran yang sihat dan boleh memberikan kebahagiaan dan keseronokan kepada mereka.

Di antara faktor psikologi yang menyumbang kepada tingkah laku ini ialah apabila wujudnya emosi yang tidak gembira hasil faktor persekitaran seperti hubungan kekeluargaan yang longgar, keluarga berpecah dan kurang perhatian daripada keluarga atau ibu bapa (Mitchell, 1989). Konflik dalam keluarga juga boleh menjadi faktor penyebab ketidakstabilan emosi yang membawa kepada tingkah laku devian dan delinkuen. Emosi yang tidak stabil seperti marah, geram, tertekan dan dendam akan mendorong pelajar untuk melepaskan geram dengan melakukan pelbagai tingkah laku devian dan delinkuen, dengan tujuan melepaskan geram, tertekan dan dendam akan mendorong pelajar untuk melepaskan rasa tertekan (Azizi Yahaya et al., 2007). Konflik ini dikenalpasti sebagai satu faktor meletakkan anak-anak dalam keadaan emosional dan masalah tingkah laku (Emery, 1982; Howes & Markman, 1989; Jourlies, Murphy, & O'Learly, 1989; Margolin, in press)

Manakala faktor situasi keluarga bagi mengawal (*control*) pula mempunyai dua bentuk iaitu mengawal dari segi tingkah laku dan psikologi (Barber, Olsen, & Shagle, 1994). Mengawal tingkah laku merujuk kepada ibu bapa yang mementingkan aktiviti anak-anak, kegiatan kumpulan anak-anak dan pekara yang dilakukan semasa di

sekolah yang mana ibu bapa membimbing dan menyelia segala tingkah laku anak-anak (Barber et al., 1994). Ketiadaan penjelasan terhadap kawalan tingkah laku juga adalah berhubungan dengan masalah tingkah laku remaja disebabkan kurangnya keperluan piawai untuk membezakan antara tingkah laku yang boleh diterima oleh masyarakat dan tingkah laku yang tidak boleh diterima masyarakat. Hal ini menyebabkan timbulnya masalah dikalangan remaja seperti bersikap agresif dan delikueni (Barber et al., 1996).

Dan kawalan psikologi pula merujuk kepada campur tangan ibu bapa dari segi psikologikal dan emosi anak-anak (Barber et al., 1994). Campur tangan tersebut dijelaskan menerusi ibu bapa yang menggunakan kesalahan dan memanipulasikan emosi dalam mengawal tingkah laku anak-anak. Kewujudan kawalan psikologi yang ditunjukkan oleh kedua ibu bapa terhadap anak-anak adalah dikaitkan dengan kebangkitan tingkah laku bermasalah, manakala ketiadaan kawalan tingkah laku menyebabkan anak-anak bertingkah laku bermasalah. Keadaan kawalan psikologi ibu bapa tersebut menyebabkan anak-anak mengalami masalah dalam hubungan sosial yang rendah disebabkan tahap penghargaan sendiri rendah hadir dalam diri anak-anak.

Faktor situasi keluarga yang ketiga iaitu keperihatinan merujuk kepada Keperihatinan ibu-bapa dalam perkembangan semasa anak-anak. Keperihatinan yang diberikan mampu membendung anak-anak dari anasir-anasir gejala sosial dan hasilnya hubungan kekeluargaan yang kian rapuh dapat dikukuhkan dengan adanya keperihatinan sosial yang ditunjukkan.

Untuk itu, kepercayaan bahawa penghargaan sendiri dan keluarga adalah sangat berkait rapat yang merupakan satu kenyataan popular dan sering diutarakan. Seringkali remaja yang mempunyai penghargaan sendiri yang rendah, kurang strategi daya tindak menangani masalah, rasa tidak dihargai oleh ibubapa dan rakan sebaya serta kurang berkemampuan dari segi kewangan akan membawa mereka ke pintu gejala disiplin yang dikatakan bermanfaat kepada mereka. Tingkah laku ini pastinya akan mengganggu kefungsi sosial, persekolahan dan personal pelajar tersebut dimana simptom seperti penurunan gred markah, perubahan dari penampilan diri, mengantuk dan tidur di dalam bilik darjah, lembab dan ponteng sekolah akan berlaku (Palmer & Paisley, 1991). Seterusnya mengakhibatkan golongan ini dipinggirkan tanpa diberi pembelaan dan keperihatinan yang sewajarnya sama ada pihak sekolah atau keluarga.

Malaysia, seperti negara-negara lain di dunia, cuba mengurangi sekali gus membanteras isu ini merupakan antara usaha yang sukar dilakukan terhadap gejala tingkah laku disiplin kerana masalah itu sendiri melibatkan banyak faktor yang bertindan dan tingkah laku ini adalah berkaitan dengan banyak aspek lain seperti kesan konflik keluarga, kawalan keluarga, hubungan interpersonal, rakan sebaya, penghargaan sendiri, faktor pendapatan keluarga dan faktor budaya (Anderson & Henry, 1994). Kecelaruhan persekitaran rumahtangga, ketidakberkesanan gaya keibubapaan dan kurangnya hubungan dua hala serta didikan antara ibubapa dan anak adalah faktor penting kewujudan tingkah laku disiplin di kalangan pelajar di sekolah.

## OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan umum kajian ini adalah untuk mengkaji faktor situasi keluarga dengan penghargaan sendiri di kalangan pelajar bermasalah dalam konteks kajian tempatan di sekolah menengah di kawasan pedalaman pantai timur di Sabah. Tujuan khusus kajian ini adalah untuk :

1. Untuk melihat hubungan antara faktor situasi keluarga (mengawal, keperihatinan sosial, konflik keluarga) dengan penghargaan sendiri di kalangan pelajar yang bermasalah.
2. Untuk melihat perbezaan bagi penghargaan sendiri berdasarkan pendapatan di kalangan pelajar yang bermasalah.

## SOALAN KAJIAN

Kajian ini cuba meninjau dan menentukan apakah wujud hubungan antara faktor situasi keluarga terhadap penghargaan sendiri di kalangan pelajar bermasalah sekolah di negeri Sabah. Sehubungan dengan itu permasalahan-permasalahan berikut dikemukakan:

1. Adakah wujud perkaitan antara faktor situasi keluarga dengan penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar bermasalah di sekolah di Negeri Sabah?  
Adakah wujud perbezaan bagi penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar bermasalah berdasarkan pendapatan keluarga?

## HIPOTESIS KAJIAN

$H_{o_1}$  Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor situasi keluarga dengan penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar bermasalah di sekolah di Negeri Sabah.  
 $H_{o_2}$  Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar bermasalah berdasarkan pendapatan keluarga.

## METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian adalah kajian tinjauan menggunakan pendekatan kuantitatif. Penyelidik membuat pemilihan ini setelah mempertimbangkan objektif kajian penyelidikan yang telah dirangka dalam kajian ini. Tindakan ini konsisten dengan Othman Lebar (2009) yang menyatakan metod pemilihan reka bentuk yang tepat adalah dengan mempertimbangkan objektif kajian terlebih dahulu. Memandangkan data kajian ini



dikumpul pada satu-satu masa, maka ia mengaplikasikan kaedah tinjauan keratan rentas (*cross-sectional*). Penyelidik merumuskan data kajian sebegini sesuai dianalisis dengan menggunakan prosedur statistik dan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Ini dipersetujui oleh Dul dan Hak (2008) mendapati teknik pengumpulan data dengan menggunakan soal selidik adalah sesuai dan pratikal digunakan kerana penyelidik mempersembahkan data dalam bentuk nombor.

Penyelidik menggunakan dua borang soal selidik iaitu *Beck Codependence Assessment Scale (BCAS)* oleh Beck (1991) yang mengandungi 35 item dan menggunakan *5-point skala Likert* bagi mengukur kebergantungan dan melihat tingkah laku penjaga. Borang soal selidik kedua adalah *Rosenberg Self-Esteem Scale (RSE)* oleh Rosenberg (1965) yang mengandungi 10 item dan menggunakan *4-point skala Likert* bagi mengukur penghargaan kendiri pelajar.

Subjek kajian yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 494 orang (iaitu 349 orang lelaki dan 145 orang perempuan). Subjek yang terlibat dalam menjawab soal selidik ini adalah terdiri daripada pelajar sekolah yang bermasalah. Kajian ini dijalankan di sekolah-sekolah menengah kerajaan, dibahagian pantai timur Sabah iaitu bahagian Tawau, Lahad Datu, Sandakan, dan Semporna. Manakala pensampelan bukan kebarangkalian yang menggunakan pensampelan bertujuan digunakan dalam kajian ini.

### Kebolehpercayaan Alat Kajian *Codependence Assessment Scale (BCAS)*

Pengkaji telah menjalankan satu ujian rintis (*pilot test*) sebelum mengendalikan kajian sebenar. Ujian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti tahap kebolehpercayaan dan keesahan alat kajian. Pengkaji menggunakan kaedah pekali *alpha Cronbach* untuk mengukur nilai kebolehpercayaan item-item dari segi ketekalan dalaman. Pengkaji mendapati bahawa nilai kebolehpercayaan adalah 0.85. Nilai ini menunjukkan bahawa alat kajian ini merupakan alat kajian yang mempunyai tahap keesahan yang sederhana baik dan boleh digunakan. Keputusan penilaian dengan metod Alpha Cronbach ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1** Pekali Reliabiliti Alpha Cronbach bagi *Codependence Assessment Scale (BCAS)* dan skala konflik keluarga, keprihatinan sosial dan kawalan

| Skala | Sub Skala            | Pekali Alpha Sub Skala |
|-------|----------------------|------------------------|
| BCAS  |                      | 0.85                   |
|       | Konflik              | 0.72                   |
|       | Keperihatinan sosial | 0.74                   |
|       | Kawalan              | 0.65                   |

### Reliabiliti Alat Kajian *Rosenberg Self Esteem Scale*

Hasil penilaian realibiliti Alpha Cronbach menunjukkan alat kajian *Rosenberg Self Esteem Scale* mempunyai tahap realibiliti yang tinggi iaitu pekali reliabiliti Alpha Cronbach = 0.728. Keputusan penilaian dengan metod Alpha Cronbach ditunjukkan dalam Jadual 2.

**Jadual 2** Pekali Reliabiliti Alpha Cronbach bagi Rosernberg Self-Esteem Scale

| Skala                       | Pekali Alpha Croncach |
|-----------------------------|-----------------------|
| Rosenberg Self Esteem Scale | 0.726                 |

### Validiti Konstruk: Inter Korelasi Antara Sub Skala Alat Kajian

Validiti konstruk bagi alat kajian *Codependence Assessmnet Scale* (BCAS) ditentukan dengan dengan inter-korelasi yang signifikan dan positif di antara sub skala yang mempunyai tret yang sama untuk mengukur gagasan yang sama (Cooper, Sloan & William, 1988). Hasil penilaian validiti konvergen bagi sub skala alat kajian *Codependence Assessmnet Scale* (BCAS) ditunjukkan dalam Jadual 3.

**Jadual 3** Inter korelasi antara Skala dan Sub Skala Alat Kajian Codependence Assessment Scala (BCAS)

|                     | BCAS | Kawalan  | Keprihatinan Sosial | Konflik keluarga |
|---------------------|------|----------|---------------------|------------------|
| BCAS                | -    | .676(**) | .687(**)            | .761 (**)        |
| Kawalan             |      | -        | .488(**)            | .228 (**)        |
| Keprihatinan Sosial |      |          | -                   | .149 (**)        |
| Konflik keluarga    |      |          |                     | -                |

\*\* p < .01

### Validiti Konstruk: Korelasi Item Keseluruhan Alat Kajian

Validiti konstruk alat kajian *Rosenberg Self Esteem Scale* dinilai dengan menggunakan kaedah korelasi item keseluruhan untuk melihat hubungan antara item dengan keseluruhan. Hasil penilaian validiti bagi alat kajian ini ditunjukkan dalam Jadual 4.

**Jadual 4** Hasil analisis korelasi inter-item keseluruhan bagi alat kajian Rosenberg Self Esteem Scale (RSE)

| Bil. | Item | Nilai r |
|------|------|---------|
| 1    | B1   | .706**  |
| 2    | B2   | .505**  |
| 3    | B3   | .674**  |
| 4    | B4   | .686**  |
| 5    | B5   | .629**  |
| 6    | B6   | .588**  |
| 7    | B7   | .698**  |
| 8    | B8   | -.042   |
| 9    | B9   | .492**  |
| 10   | B10  | .625**  |

\*\*p &lt; .01

## DAPATAN KAJIAN

### Tahap Penghargaan Kendiri Berdasarkan Keseluruhan Responden

**Jadual 5** Tahap penghargaan kendiri berdasarkan responden

| Tahap Penghargaan Kendiri | Bilangan   | Peratusan (%) |
|---------------------------|------------|---------------|
| Rendah                    | 151        | 30.6          |
| Sederhana                 | 342        | 69.2          |
| Tinggi                    | 1          | 2             |
| <b>Total</b>              | <b>494</b> | <b>100</b>    |

Jadual 5 menunjukkan tahap penghargaan kendiri responden yang dikaji secara keseluruhannya. Daripada 494 responden yang dikaji didapati 151 (30.6%) mempunyai tahap penghargaan kendiri yang rendah, 342 (69.2%) mempunyai tahap penghargaan kendiri yang sederhana dan 1 (2%) mempunyai tahap penghargaan kendiri yang tinggi. Oleh itu daripada hasil kajian didapati pada keseluruhannya tahap penghargaan kendiri dikalangan pelajar yang bermasalah adalah berada pada tahap yang sederhana. Tahap Penghargaan Kendiri Berdasarkan Jantina

**Jadual 6** Tahap penghargaan kendir berdasarkan jantina

| Jantina      | Tahap Penghargaan Kendiri |                    |                | Jumlah           |
|--------------|---------------------------|--------------------|----------------|------------------|
|              | Rendah                    | Sederhana          | Tinggi         |                  |
| Lelaki       | 101 (20.4%)               | 248 (50.2%)        | 0 (%)          | 349(70.6%)       |
| Perempuan    | 50 (10.1%)                | 94 (19.0%)         | 1 (.2%)        | 145(29.4%)       |
| <b>Total</b> | <b>151 (30.6%)</b>        | <b>342 (69.2%)</b> | <b>1 (.2%)</b> | <b>494(100%)</b> |

Daripada Jadual 6 didapati daripada 494 responden yang dikaji mendapati tahap penghargaan sendiri yang tinggi dikalangan pelajar lelaki adalah tidak menunjukkan sebarang peratusan manakala hanya 0.2 peratus responden perempuan mempunyai tahap penghargaan sendiri yang tinggi. Ini menunjukkan tahap penghargaan sendiri dikalangan pelajar perempuan adalah lebih tinggi berbanding dengan lelaki.

### Keputusan bagi Penghargaan Kendiri Berdasarkan Pendapatan Keluarga

Keputusan ANOVA satu hala dalam Jadual 7 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara penghargaan sendiri berdasarkan pendapatan keluarga, di mana  $F(6,487) = 2.94$ ,  $p < 0.05$ .

**Jadual 7** Jadual rumusan anova bagi penghargaan sendiri berdasarkan pendapatan keluarga

| Sumber          | JKD     | dk  | MKD   | F    | p     |
|-----------------|---------|-----|-------|------|-------|
| Antara kumpulan | 170.02  | 6   | 28.34 | 2.94 | .008* |
| Dalam kumpulan  | 4702.33 | 487 | 9.66  |      |       |
| Jumlah          | 4872.35 | 493 |       |      |       |

\*signifikan pada aras  $p < .05$

Seterusnya, keputusan kajian dianalisis dengan menggunakan Ujian Post-Hoc Turkey. Ini adalah bertujuan perbezaan bagi penghargaan sendiri pelajar dengan pendapatan yang manakah menunjukkan perbezaan. Keputusan Post-Hoc Turkey ditunjukkan dalam Jadual 8.

**Jadual 8** Keputusan Ujian Post-Hoc Turkey bagi penghargaan kendiri berdasarkan pendapatan keluarga

| Min   | Pendapatan         | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
|-------|--------------------|---|---|---|---|---|---|---|
| 22.32 | 1 tiada pendapatan |   |   |   |   |   |   |   |
| 22.13 | 2 RM500 ke bawah   |   |   |   |   |   |   |   |
| 21.85 | 3 RM750            |   |   |   |   |   |   |   |
| 22.19 | 4 RM1250           |   |   |   |   |   |   |   |
| 24.33 | 5 RM1750           |   | * | * | * |   | * |   |
| 22.65 | 6 RM2250           |   |   |   |   |   |   |   |
| 22.28 | 7 RM 2501 ke atas  |   |   |   |   |   |   |   |

### Korelasi antara Faktor Situasi Keluarga dengan Penghargaan Kendiri

Dapatan kajian dengan menggunakan analisi korelasi *Pearson* menunjukkan wujud korelasi di antara *Beck Codependence Assessment Scale* (BCAS) dengan *Rosenberg Self Esteem Scale* (RSE). Ia merupakan hubungan positif yang bersifat lemah tetapi signifikan ( $r=.221$ ,  $k<.05$ ). Keputusan ini menerangkan bahawa faktor situasi keluarga mempunyai hubungan dengan penghargaan kendiri pelajar walau pun nilai korelasinya adalah rendah. Ringkasan hasil ditunjukkan dalam Jadual 9.

**Jadual 9** Analisis korelasi antara faktor situasi keluarga (BCAS) dengan penghargaan kendiri (RSE)

|                                | N   | Pekali korelasi (r) | p     |
|--------------------------------|-----|---------------------|-------|
| Faktor situasi keluarga (BCAS) | 494 |                     |       |
| Penghargaan kendiri (RSE)      |     | .221                |       |
|                                |     |                     | .000* |

\*signifikan pada aras  $p<.05$

### Keputusan Korelasi antara Sub Skala Kawalan, Keprihatinan (*Social Concern*) dan Konflik Keluarga dengan Penghargaan Kendiri

Dapatan analisis korelasi *Pearson* menunjukkan tidak wujud korelasi yang signifikan di antara penghargaan kendiri dengan subskala kawalan dan keperihatinan sosial (*social concern*). Manakala hasil analisis korelasi *Pearson* antara penghargaan kendiri dengan konflik keluarga menunjukkan hubungan positif yang lemah dan signifikan ( $r=.226^{**}$ ,  $k<.05$ ) berdasarkan dalam Jadual 10.

**Jadual 10** Analisis korelasi antara penghargaan sendiri dengan subskala kawalan, keperihatinan sosial dan konflik keluarga

|                          | N   | Pekali korelasi (r) | p     |
|--------------------------|-----|---------------------|-------|
| Peghargaan Kendiri (RSE) | 494 |                     |       |
| Kawalan                  |     | .061                | .170  |
| Keperihatinan Sosial     |     | .056                | .210  |
| Konflik Keluarga         |     | .226                | .000* |

\* signifikan pada aras  $p < .05$

## PERBINCANGAN

### Hubungan antara Faktor Situasi Keluarga dengan Penghargaan Kendiri

Secara keseluruhan, dalam meneliti hubungan faktor situasi keluarga dengan penghargaan sendiri di kalangan pelajar bermasalah, didapati faktor situasi keluarga mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan penghargaan sendiri. Hubungan sebegini boleh disebabkan oleh pelbagai faktor seperti hubungan yang rapat dengan ibu bapa. Misalnya memberi penekanan terhadap aspek keperihatinan dalam setiap elemen sosial yang menyebabkan pelajar remaja merasakan diri mereka mendapat perhatian dan di hormati. Ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Walker dan Greene (1986) yang mendapati hubungan antara remaja dengan ibu bapa dalam bentuk hormat-menghormati dan dengan wujudnya perbincangan dalam kalangan ahli keluarga telah dikesan pasti menjadi penentu penting bagi pembentukan penghargaan sendiri pelajar. Malah, sifat hormat-menghormati dan perihatin terhadap aktiviti anak-anak boleh menyemai kemesraan antara anak dengan ibu bapa.

Di samping itu, kajiannya terhadap pelajar remaja sekolah menengah dan tinggi turut menyatakan ciri-ciri keluarga yang baik adalah mereka yang dipersepsikan oleh anak sebagai mengambil tahu, melakukan aktiviti bersama, cuba melibatkan anak dalam pembuatan keputusan dan mempunyai kasih sayang (Bachman, 1970). Dapatan kajian ini juga selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Laible et al., (2004) dalam melihat kebergantungan remaja kepada ibu bapa dengan tahap penghargaan sendiri. Hasil kajian menunjukkan memang terdapat hubungan yang signifikan antara kebergantungan kepada ibu bapa dengan tahap penghargaan sendiri di kalangan pelajar. Ini menjelaskan sekiranya kebergantungan pelajar kepada ibu bapa meningkat maka penghargaan sendiri juga turut meningkat.

Namun begitu dapatan kajian oleh Azizi Yahaya et al., (2007) adalah berbeza yang dijalankan ke atas 100 orang pelajar yang dipilih secara rawak dari Sekolah Menengah Katholik di Petaling Jaya dengan menggunakan alat kajian *Coopersmith Self-Esteem Inventory* bagi mengukur tahap penghargaan sendiri subjek. Dapatan kajian

tidak selaras dengan hasil kajian ini yang menunjukkan faktor ibu bapa tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan penghargaan kendiri remaja. Hasil kajian mendapati kawalan ibu bapa tidak mempunyai hubungan secara signifikan dengan penghargaan kendiri. Manakala menurut kajian mengenai sifat agresif dikalangan ibu bapa yang akan menyebabkan konflik muncul dalam keluarga berlaku seperti bertengkar dan menunjukkan tingkah laku yang kurang baik telah menyebabkan tahap penghargaan kendiri pelajar menurun. Ini disokong oleh (East & Rock, 1992; Lochman & Dodge, 1994) yang mendapati tingkah laku agresif yang menimbulkan konflik adalah mempunyai hubungan dengan tahap penghargaan kendiri yang rendah dan hubungan ini adalah tidak selalu berada dalam keadaan konsisten.

Manakala dapatan kajian ini yang menunjukkan faktor situasi keluarga (konflik keluarga) adalah berhubungan secara positif dengan penghargaan kendiri. Hal ini mungkin disebabkan oleh konflik keluarga yang berlaku telah membina satu kekuatan di atas permasalahan yang timbul yang kadang-kala boleh membentuk suatu ketahanan dalam diri mereka. Ini disokong oleh kajian Adriana (2004) mengenai ibu bapa yang bercerai namun anak-anak mereka mampu untuk berdikari atas konflik tersebut dan menjadikan masalah tersebut sebagai satu kekuatan yang akhirnya anak-anak ini berjaya membina kekuatan dalaman serta mampu untuk membina penghargaan kendiri yang baik walaupun menghadapi konflik keluarga yang meruncing.

Di samping itu dapatan lain yang menunjukkan remaja mempunyai hubungan positif (*social concern*) dengan ibu bapa dikatakan dapat memberikan satu bentuk sokongan sosial, yang dapat mempertingkatkan sumber psikologikal (*self-esteem*) dan mampu mengawal tekanan yang datang dari pelbagai sudut (Cohen & Wills 1985; Baumrind, 1991). Ibu bapa yang menggunakan gaya penjagaan (*social concern*) akan memberikan kasih sayang dan sokongan emosi kepada anak-anak disamping menentukan dengan jelas peraturan tingkah laku yang dianggap sesuai diamalkan (Steinberg & Morris, 2001). Ini telah dibuktikan dalam kajian terdahulu di Malaysia dan di barat yang telah menunjukkan bahawa hubungan kekeluargaan yang baik telah dikaitkan dengan kesejahteraan hidup remaja yang positif dari aspek-aspek kepuasan hidup, konsep kendiri, tingkah laku seks dan pencapaian akademik (Fatanah, 1997). Manakala kegagalan ibu bapa dalam mendisipkan anak-anak juga dilihat sebagai salah satu faktor berlakunya tingkah laku devian (Azizi Yahaya et al., 2007). Latar belakang tingkah laku anti sosial adalah kesan daripada kekurangan, ketidaksesuaian atau kawalan disiplin yang tidak konsisten semasa kanak-kanak (Jacobvitz et al., 1996).

Menurut Parker *et al.*, (1997 & 1979) ibu bapa yang menunjukkan gaya penjagaan yang bersifat mengambil perhatian (*social concern*) seperti memupuk dan perlindungan merupakan dua dimensi gaya keibu bapaan yang utama. Menerusi dimensi ibu bapa yang bersifat perlindungan boleh mendatangkan kesan kepada gaya kawalan yang berlebih-lebihan, yang mana boleh menyebabkan kemampuan perkembangan perasaan anak-anak yang cekap atau autonomi (Gilbert & Silvera, 1996; Ryan & Deci, 2000). Contoh lain yang bertentangan dengan dapatan kajian ini iaitu ibu bapa yang bersifat

menolong dan perlindungan (*social concern*) boleh menjejaskan kemampuan anak-anak untuk mendapatkan rasa penuh kepercayaan dalam melaksanakan beberapa tindakan sehingga menimbulkan tahap penghargaan sendiri yang rendah (Parker et al., 1997).

Anak-anak yang mempunyai ibu bapa yang perihatin (*social concern*) menunjukkan tahap penghargaan sendiri yang tinggi disebabkan mereka menjadi lebih bebas dan mampu membuat keputusan sendiri (Steinberg, 2001). Lazimnya kajian menyokong bahawa perapatan terjamin bersama ibu bapa semasa usia bayi, kanak-kanak dan remaja adalah dihubungkan dengan tahap penghargaan sendiri tinggi (Arbona & Power, 2003; Thompson, 1999). Didalam melihat pengaruh keluarga, Heaven (1997) dalam kajiannya tentang pengaruh keluarga terhadap penghargaan sendiri, beliau mendapati bahawa komunikasi positif yang ditunjukkan oleh keluarga (*social concern*) mempunyai hubungan positif dengan tahap penghargaan sendiri di kalangan pelajar. Komunikasi positif keluarga menyebabkan tahap penghargaan sendiri remaja akan meningkat dan sekiranya komunikasi negatif yang ditunjukkan oleh keluarga melalui masalah keluarga (*family conflict*), ia boleh menyebabkan tahap penghargaan sendiri pelajar akan menurun.

### **Keputusan Perbezaan bagi Penghargaan Kendiri Berdasarkan Pendapatan Keluarga**

Penghargaan sendiri dilaporkan mempunyai perbezaan mengikut pendapatan keluarga yang diperolehi. Dapatan ini menunjukkan bahawa perolehan pendapatan keluarga menyumbang kepada penghargaan sendiri dalam kehidupan pelajar. Dalam kajian ini didapati subjek yang mempunyai latar belakang ekonomi keluarga yang tinggi mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk memiliki penghargaan sendiri yang baik. Subjek dari ibu bapa yang berpendapatan sederhana tinggi dalam kategori pendapatan iaitu RM 1750 menunjukkan penghargaan tinggi yang tinggi. Ini selaras dengan kajian yang melibatkan hubungan antara penghargaan sendiri dengan sosial kelas seperti status pekerjaan, pendapatan dan pendidikan. Kajian mendapati bahawa individu yang mempunyai pendapatan yang lebih dan pendidikan yang tinggi cenderung untuk memiliki penghargaan sendiri yang tinggi berbanding dengan mereka yang mempunyai pendapatan dan pendidikan yang kurang (Mirowsky & Ross, 1996). Ini disokong oleh Gecas dan Seff, (1990) dalam kajiannya yang menyatakan bahawa individu yang mempunyai status pekerjaan dan pendapatan serta pendidikan yang rendah berkecenderungan untuk mempunyai penghargaan sendiri yang rendah.

Dehart (2006) menjalankan kajian berkenaan dengan tahap penghargaan sendiri dengan hubungannya terhadap prospek ekonomi remaja. Hasil kajian menunjukan remaja yang membesar dengan tahap penghargaan sendiri yang rendah mempunyai kecenderungan memiliki prospek ekonomi yang rendah semasa dewasa berbanding remaja yang mempunyai tahap penghargaan sendiri yang tinggi. Walau bagaimana pun, ekonomi keluarga yang tinggi juga kadang kala menyebabkan kualiti hidup remaja pelajar menurun sehinggakan mereka mudah terlibat dengan masalah sosial seperti



lepak, gengsterism, dan berjudi. Ini selaras dengan kajian oleh Ruzita Mohd Amin et al., (2006) yang mendapati pendapatan keluarga yang tinggi mempunyai hubungan dengan masalah sosial pelajar yang mengakibatkan mereka terdedah kepada tingkah laku devian dan memberi kesan kepada penghargaan kendiri seseorang pelajar.

## RUMUSAN

Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa dapatan kajian ini mendapati penghargaan kendiri dikalangan pelajar yang bermasalah adalah berada pada tahap sederhana iaitu 69.2%. Ini menunjukkan peranan kaunselor harus ditumpuhkan kepada pelajar yang bermasalah dengan lebih serius lagi supaya mereka mempunyai peluang yang sama dengan pelajar lain. Berhubung dengan itu, antara langkah yang perlu diambil adalah dengan memberikan kaunseling kepada pelajar yang bermasalah dan mewujudkan program motivasi bagi membentuk dan memberi sokongan kepada mereka untuk lebih menghargai dan menerapkan nilai tanggungjawab terhadap diri sendiri bagi mempertingkatkan daya kesungguhan dalam mendepani segala rintangan dalam persekolahan yang mencabar. Dengan program seumpama ini akan menjadi pembuka jalan kepada mereka untuk mencari dan menterjemahkan identiti mereka sebagai pelajar yang perlu menuntut ilmu dan tidak terlibat dengan sebarang bentuk masalah sosial.

Di samping itu, ibu bapa juga perlu memainkan peranan penting selaku ibu bapa kerana pendidikan anak-anak bermula dari didikan ibu bapa dirumah. Berhubung dengan itu, keperihatinan terhadap gaya hidup dan pergaulan sosial anak-anak harus dijaga dan dikawal supaya mereka tidak mudah dipengaruhi dengan budaya songsang seperti merokok, gangster, melepak, ponteng sekolah, membuli, pergaduhan dan sebagainya. Ibu bapa adalah contoh terbaik yang pasti akan dituruti oleh anak-anak mereka sendiri.

## RUJUKAN

- Adriana J. (2004). Ethnic identity and self-esteem: Examining the role of social context. *Journal of Adolescence*, 27, 139 – 146.
- Anderson, A. R., & Henry, C. S. (1994). Family system characteristics and parental behaviors as predictors of adolescent substance use. *Adolescence*, 29 (114), 405 – 420.
- Azizi Yahaya & Jaafar Sidek Latif. (2005). *Membentuk Identiti Remaja*. Bentong, Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya, Jamaludin Ramli & Yusof Boon. (2007). Persekitaran Keluarga dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Bermasalah. <http://eprints.utm.my/2354/>
- Barber, B. K., Olsen, E., & Shagle, S. C. (1994). Associations between parental psychological control and behavioral control and youth internalized and externalized behaviors. *Child Development*, 65, 1120–1136.

- Barber, B.K. (1996). Parental psychological control. Revisiting a neglect construct. *Child Development, 67*, 3296-3319.
- Battle, J. (1981). *Culture-free self-esteem inventories for children and adults*. Seattle: Special Child Publication
- Beck, W.H. (1991). *Codependence Assessment Manual*. Chicago: Administrative Service.
- Bischof, G. P., Stith, S.M and Whitey, M. L. (1995). Family environment of adolescent sex offenders and other juvenile delinquents. *Adolescence, 30*, 157 – 170.
- Bowlby, J. (1982). *Attachment and Loss*, 2nd edition. New York: Basic Books.
- Cohen, S., & Wills, T. A. (1985). Stress, social support, and the buffering hypothesis. *Psychological Bulletin, 98*, 310–357.
- Coopersmith, S. C. (1967). *The antecedents of self-esteem*. San Francisco: Freeman & Company.
- Dehart T. R. (2006). What lies beneath: Parenting style and implicit self-esteem. *Journal of Experimental Social Psychology, 42*, 1–17
- Dishion, T. J., Patterson, G. R., Stoolmiller, M., & Skinner, M. L. (1991). Family, school and behavioural antecedents to early adolescent involvement with antisocial peers. *Development Psychology, 27* (1), 172 – 180.
- Dryfoos, J. (1990). *Adolescent at risk: Prevalance and prevention*. New York: Oxford University Press.
- Ee Ah Meng. (1999). *Psikologi pendidikan 1: Psikologi perkembangan (semester 1)* (Ed. Ke-2). Kuala Lumpur: Academe Art & Printing Services Sdn. Bhd
- Erikson, E. H. (1975). *Youth: Change and challenge*. New York: Basic Books Inc.
- Emery, R. E. (1982). Interparental conflict and the children of discord and divorce. *Psychological Bulletin, 92*, 310 – 330.
- Fatanah Mohamed. (1997). Kajian terhadap masalah peribadi pelajar-pelajar sekolah berasrama penuh dan tidak berasrama penuh di Pengkalan Chepa (Tesis Sarjana). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Gecas, V. & Schwalbe, W. L. (1986). Parental behavior and adolescent self-esteem. *Journal of Marriage and the Family, 48*, 37 – 46.
- Fulgini, A., & Eccles, J. S. (1993). Perceived parent-child relationships and early adolescents' orientation towards peers. *Developmental Psychology, 29*, 622 – 632.
- Gilbert, D. T., & Silvera, D. H. (1996). Overhelping. *Journal of Personality and Social Psychology, 70*, 678 – 690.
- Greenberger, E., Chen, C., Tally, S. R., & Dong, Q. (2000). Family, peer, and individual correlates of depressive symptomatology among US and Chinese adolescents. *Journal of Consulting and Clinical Psychology, 68*(2), 209–219.
- Harter, S. (1990). Causes, correlates, and the functional role of global self-worth: A lifespan perspective. In J. Kolligian, & R. Sternberg (Eds.), *Perception of competence and incompetence across the lifespan* (pp. 67 – 98). New Haven, CT: Yale University Press.
- Howes, P., & Markman, H. J. (1989). Marital quality and child functioning: A longitudinal investigation. *Child Development, 60*, 1044 – 1051.
- Jacobvitz, D. B., & Bush, N. F. (1996). Reconstructions of family relationships: Parent-child alliances, personal distress, and self esteem. *Developmental Psychology, 32* (4), 732 – 743.
- Parker, G., Tupling, H., & Brown, L. B. (1979). A parental bonding instrument. *British Journal of Medical Psychology, 52*, 1 – 10.
- Peiser, N. C., & Heaven, N. C. (1996). Family influences on self-reported delinquency among high school students. *Journal of Adolescence, 19*, 557 – 568.
- Petersen, & J. Brooks Gunn (Eds.), *Encyclopedia of adolescence* (vol. 2, pp. 746 – 758). New York: Garland.

- Regoli, R. M., & Hewit, J. D. (1991). *Delinquency in society* (4th Ed.). New York: McGraw.
- Robiah Dollah. (1993). Penilaian psikometrik inventori penghargaan kendiri (Tesis Tahun Kepujian). Jabatan Psikologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosenberg, M. (1965). *Society and the adolescent self-image*. New Jersey: Princeton University Press.
- Rosenberg, M. (1979). *Conceiving the self*. New York: Basic Books.
- Rutter, M. (1985). Family and school influence in behavioural development. *Journal of Child Psychology and Psychiatry*, 26, 349 – 368.
- Ruzita Mohd. Amin. (2006). Values, social problems and balanced development in Malaysia. *The Journal of Socio-Economics*, 35, 151–163
- Ryan, R. M., & Deci, E. L. (2000). Self-determination theory and the facilitation of intrinsic motivation, social development, and wellbeing. *American Psychologist*, 55, 68 – 78.
- Sigurdsson, J. F., & Guerra, N. G. (1996). Cognitive mediator of aggression in adolescent offenders. *Development psychology*, 24, 580 – 588.
- Sokol-Katz, J., Dunham, R., & Zimmerman, R. (1997). Family structure versus parental attachment in controlling adolescent deviant behaviour: A social control model. *Adolescent*, 32 (125), 199 – 215.

